

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 APRIL 2017

Bukan sebab pilihan raya - PM

Um - 24/4/2017

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 APRIL

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia yang dilancarkan kali pertama dalam sejarah negara bukan satu retorik politik, bersifat syok sendiri atau hanya omong kosong kononnya sebagai 'tanda' tibanya pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya, beliau berkata, ia merupakan satu dokumen rasmi dan bukti kesungguhan serta komitmen kerajaan untuk pembangunan sosioekonomi komuniti itu di negara ini untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Menurutnya, pelan berkenaan telah pun dibentangkan semasa Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada Mei 2015 sebagai satu pendekatan inklusif serta mengutamakan penglibatan masyarakat India secara menyeluruh.

"Hari ini bukanlah kita buat lakonan tetapi menggambarkan satu usaha serius, tidak ada kaitan langsung dengan soal pilihan raya umum akan datang sebab saya sudah berjanji untuk membentangkan pelan ini sejak RMK-11 lagi.

"Pelan ini memakan masa hampir dua tahun sebab kita nak



Hari ini bukanlah kita buat lakonan tetapi menggambarkan satu usaha serius, tidak ada kaitan langsung dengan soal pilihan raya umum akan datang sebab saya sudah berjanji untuk membentangkan pelan ini sejak RMK-11 lagi."

**DATUK SERI NAJIB
TUN RAZAK
Perdana Menteri**

supaya prinsipnya, data serta segala syor untuk mengatasi masalah kaum India bukan datang daripada kerajaan semata-mata tetapi terbit dari peringkat akar umbi masyarakat ini sendiri supaya pelan ini adalah pelan yang dimiliki seluruh masyarakat India," katanya dalam majlis pelancaran pelan tindakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Kesihatan merangkap Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam; Du-

ta Khas (Infrastruktur) ke India dan Asia Selatan; Datuk Seri S. Samy Vellu, barisan menteri Kabinet serta pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Masyarakat India (CCIC) berkata, bagi memastikan pelan tindakan tersebut dilaksanakan sebaik-baiknya, beliau mengumumkan penubuhan sebuah exco jawatankuasa yang akan diketuai Subramaniam yang akan membuat laporan mengenai perkembangan pelaksanaannya setiap sebulan.

"Mungkin ada orang akan kata bahawa ini hanya satu berita palsu yang dicanangkan kerajaan sedangkan ia dirangka untuk mengubah untung nasib taraf ekonomi masyarakat India yang telah pun dimulakan sejak 2009 dan mencapai banyak kejayaan.

"Kerajaan berpendapat segala usaha kita dapat disatukan dalam bentuk sebuah dokumen dan menggariskan apa yang akan dicapai dalam waktu tertentu yang benar-benar mengubah mereka," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, di bawah pelan berkenaan, sebanyak RM500 juta diperuntukkan bagi skim dana saham di bawah Permodalan Nasional Berhad khusus untuk memupuk tabiat menabung dalam kumpulan sasaran golongan B40

kaum itu.

Kata beliau, kerajaan turut bersetuju untuk menubuhkan dana pusingan berjumlah RM500 juta bagi memenuhi keperluan pinjaman perniagaan komuniti tersebut.

"Kita juga akan melakukan intervensi tertentu untuk meningkatkan enrolmen pelajar-pelajar India di universiti awam, kolej dan politeknik sekurang-kurangnya tujuh peratus dan bersetuju menamakan semula Institut Latihan Perindustrian Nibong Tebal sebagai Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai.

"Bagi pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran melanjutkan pengajian di peringkat tinggi, kerajaan dengan kerjasama Indus Education Foundation akan memperuntukkan RM40 juta bagi tempoh empat tahun akan datang," ujarnya.

Perdana Menteri menambah, kerajaan menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam sekurang-kurangnya tujuh peratus di semua peringkat gred menjelang 2026.

"Saya juga bersetuju agar satu sistem kelulusan khas dapat dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membantu kaum India yang telah menetap atau dilahirkan sebelum 1957 untuk mendapat taraf kewarganegaraan," katanya.